e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)

BUDIMU DISANJUNG, JASAMU DIKENANG

E-BULETIN LADA EDISI 4/2020

E-BULETIN LADA

E-BULETIN
LADA EDISI 4/2020

SE
SIDANG EDITOR

SIDANG EDITOR
e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)

Penaung : YBhg. Dr. Hezri Adnan
Penasihat : YBrs. Haji Rohaizad B Rashid
Ketua Editor : Puan Nordiana Bt Nordin
Sidang Pengarang : Encik Khairul Nizam B Abdul Ghalim
Puan Nor Azlina Bt Mohd Zin
Juru Gambar : Encik Zamri B Ibrahim
Encik Muhammad Irfan B Saadi

Jawatankuasa E-Buletin LADA
Encik Muhammad Izzat Bin Ghazali
Unit Pemantauan dan Pelaksanaan (DMO)
Cik Nor Amira Bt Man
Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan
Puan Norazizah Bt Abdul Jalil
Bahagian Kewangan
Puan Mastura Binti Aziz
Bahagian Pengurusan Aset
Puan Zalina Binti Matt Saman
Bahagian Pelancongan
Puan Noor Munirah Binti Mohamad
Bahagian Perancangan
Encik Mohd Ridzuan Bin Maghribi
Bahagian Kejuruteraan Teknikal
Puan Fatimah Binti Baharuddin
Unit Undang-Undang
Encik Mohd Shahrul Nizam Bin Awang
Bahagian Teknologi Maklumat
Puan Wan Suffurinaz Bt Wan Sulaiman
Unit Integriti
Cik Wan Aida Munirah Binti Wan Ismail
Unit Audit Dalam
Puan Irliyani Binti Isa
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Grafik/Rekaletak : Encik Mohamad Firdaus Helmi Bin Fazil
Urusetia & Edaran : UKK/IT
Terbitan : LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

ISI KANDUNGAN

E-BULETIN LADA

PENCAPAIAN HELANG

- ROCK MELON GOLDEN DIPERKENAL DI LANGKAWI 1
- MAJLIS PELANCARAN DAN PERASMIAN LADA – PLSB FARM 2
- STREET ART @ PANDAK MAYAH 2.0 JANGKA TARIK PERHATIAN PELANCONG 3
- PROGRAM LANGKAWI SELAMAT : PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU (SIRI 1) 4

BERITA UTAMA

- PROJEK KECIL KOMUNITI, ERATKAN LADA & KOMUNITI 7
- PERKUKUH INTEGRITI WARGA LADA 8
- LADA MENERIMA DIVIDEN DARIPADA LADA ECO-TOURISM SDN. BHD. 9
- BANGSAL MUSNAH AKIBAT RIBUT 10
- KOMUNITI DISANTUNI - PROJEK KECIL KOMUNITI LANGKAWI FASA KHAS 11
- BUDIMU DISANJUNG, JASAMU DIKENANG 12

ISI KANDUNGAN

E-BULETIN LADA

AKTIVITI BAHAGIAN/UNIT

UNIT LATIHAN & KOPETENSI, BSMKP

- KURSUS KESELAMATAN FIZIKAL 15
- PROGRAM I-TALK SIRI 3 TAHUN 2020: PENGKISAHAN TUMBUK RUSUK TELUNJUK LURUS KELINGKING BERKAIT - PENGKISAHAN DARI TIRAI BESI 16

BAHAGIAN PELANCONGAN

- LAMAN PADI DIBERI NAFAS BARU 17
- AIR ASIA, BUKA LALUAN BAHARU - 96 PENUMPANG TERIMA KEJUTAN DI LANGKAWI INTERNATIONAL AIRPORT (LIA) 18
- GENG BERSIH KAMPUNG 19
- AIR ASIA TEROKAI LALUAN BAHARU IPOH KE LANGKAWI 20
- SESI TOURISM TOWNHALL 2020 21
- SEMINAR SEMPENA PROGRAM PENGHAYATAN KHAZANAH BUMI LUGP 22

e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)

ISI KANDUNGAN

E-BULETIN LADA

AKTIVITI BAHAGIAN/UNIT

BAHAGIAN KEWANGAN

- MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN LEMBAGA PENGARAH LADA BIL. 3/2020 23

UNIT KHIDMAT KORPORAT

- MAJLIS APRESIASI MEDIA 2020 24
- PROGRAM PELEPASAN ALAT PERANTI PENGUMPULAN IKAN/UNJAM 25
- PROGRAM JEJAK PRIHATIN LANGKAWI SIRI 4 TAHUN 2020 26
- PROGRAM BACK TO SCHOOL: ISILAH HATIMU DENGAN ILMU 27

BAHAGIAN PELABURAN & PEMUDAH CARA

- TAPAWFOOD SERVICES KINI DI LANGKAWI 28
- PEMANTAUAN PROJEK DI AYER HANGAT VILLAGE 29

ISI KANDUNGAN

E-BULETIN LADA

LAWATAN RASMI

- LAWATAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM 31
- KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH SWCORP KE LADA 32
- KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PENYIARAN LANGKAWI FM KE LADA 33

LENSA MEDIA

- POSTER HEBAHAN SEPANJANG OKTOBER - DISEMBER 2020 35-44

e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)

e-Buletin@LADA

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)

HELANG

HALA TUJU EKONOMI LANGKAWI

PENCAPAIAN HELANG

ROCK MELON GOLDEN DIPERKENALKAN DI LANGKAWI

28 Oktober, Kedawang – YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA telah melapangkan masa untuk menyampaikan insentif bagi projek tanaman rock melon atau tembikai wangi secara fertigasi yang diusahakan oleh Syarikat Aman Mahsuri Enterprise.

Selaras dengan Program Pembukaan Ekonomi Baru (PEB), Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG), syarikat tersebut telah mengusahakan tanaman tembikai wangi secara fertigasi di Kampung Gelam, Kedawang dan dalam usaha untuk menambah jumlah pot tanaman daripada 100 pot ke 500 pot.

Selain itu, syarikat juga sedang berusaha memperkenalkan semula tembikai wangi baka Golden Langkawi secara kormersial yang pernah dipasarkan sebelum ini.

#HELANG
#StrategiPembukaanPeluangEkonomiBaru
#KitaJagaLangkawi

MAJLIS PELANCARAN DAN PERASMIAN LADA – PLSB FARM

16 Disember, Langkawi – LADA – PLSB Farm merupakan satu projek perintis hasil kerjasama antara Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB). Projek ini adalah satu inisiatif di bawah strategi pembukaan peluang ekonomi baru, Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi @ HELANG yang telah dilancarkan oleh LADA pada 31 Mei 2020. LADA dan PLSB telah mengenalpasti cabang ekonomi baru melalui teras kepelbagaian ekonomi yang dilihat dapat menjana pendapatan komuniti Langkawi.

Usaha ini diyakini dapat memberikan faedah kepada penduduk Langkawi yang hilang punca pendapatan apabila sektor pelancongan menerima kesan buruk akibat penularan wabak COVID-19. Selain mengusahakan aktiviti pelancongan seperti pengurusan kereta kabel, LADA dan PLSB turut menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi memperkasakan komuniti ke arah yang lebih cemerlang dengan mewujudkan alternatif dan mengurangkan kebergantungan hidup kepada sektor pelancongan.

Projek perintis ini melibatkan ladang tanaman sayuran berkonsepkan pertanian kontrak (*contract farming*) di tanah milik LADA seluas 6 ekar yang melibatkan pembinaan sementara kemudahan seperti stor dan pusat pengumpulan hasil. Hasil tanaman sayuran di sini adalah unik kerana ianya bebas racun serangga dan sayur dibekalkan dari ladang.

Justeru, sayuran ini adalah lebih selamat dimakan berbanding sayuran yang diimport. Terdapat 4 jenis sayuran yang diusahakan iaitu kangkung, sawi, bayam dan bendi. Pilihan jenis tanaman ini dibuat berdasarkan dapatan kajian pasaran yang telah dijalankan yang mana sayuran ini mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran bekalan mentah di Langkawi di samping tempoh tuaian hasil yang pendek iaitu di antara 25 hari ke 40 hari.

Projek ini telah mula diusahakan pada 13 September yang lalu dan disertai oleh 7 individu yang terdiri dari komuniti setempat. Bagi memastikan kualiti sayuran yang dihasilkan terjamin, pihak LADA dan PLSB telah mendapatkan bantuan khidmat nasihat dari Jabatan Pertanian Langkawi di bawah bimbingan Encik Mohd Khozaid Bin Mansor dan juga dari Puan Naira Azlin Binti Mat Nasim dari Syarikat Lang Agro Sdn. Bhd.

Projek tanaman ini juga dijangka dapat memberikan hasil sekitar RM388,700.00 bagi sekali tuaian sekiranya penggunaan tanah dan operasi ladang dapat dimaksimumkan sebaik mungkin.

LADA akan terus berusaha mempelbagaikan inisiatif sebagai langkah memulihkan ekonomi setempat dan menjadikan Langkawi lebih kukuh serta berdaya tahan dalam mengharungi fasa pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

#strategipembukaanpeluangekonomibaru
#HELANG
#KitaJagaLGKW

STREET ART 2.0 @ PANDAK MAYAH JANGKA TARIK PERHATIAN PELANCONG

20 Disember 2020, Langkawi – Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), YBhg. Dr. Hezri Adnan telah merasmikan program seni lukisan yang dikenali sebagai Program Street Art 2.0 @Pandak Mayah di Pekan Kuah, Langkawi. Turut hadir ialah Encik Radzuan Bin Osman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dan Encik Amerrudin Bin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara Langkawi (NAG).

Sejajar dengan usaha LADA untuk menyemarakkan pelancongan domestik, LADA menerusi Bahagian Pelancongan menjalin kerjasama strategik dengan MPLBP dan NAG dengan memperkenalkan Street Art 2.0 @ Pandak Mayah bagi menarik minat pelancong berkunjung ke Langkawi. Sejumlah dana telah diperuntukan bagi merealisasikan program berasaskan seni ini dan ianya akan diteruskan pada tahun hadapan sebagai salah satu inisiatif kepada pembangunan industri pelancongan.

Antara objektif program ini adalah:

- Mempromosikan aktiviti pelancongan dan perniagaan di Pekan Pandak Mayah yang mana pada ketika ini suram dari kunjungan pelancong;
- Menjadikan Pekan Pandak Mayah sebagai *"Town of Art"* dengan mengumpulkan karya-karya seni daripada pelukis dalam dan luar Langkawi secara mural;
- Mewujudkan tarikan baru kepada pelancong melalui penceritaan bisu menerusi lukisan - lukisan yang terdapat pada dinding bangunan; dan
- Menonjolkan keunikan Street Art 2.0 @ Pandak Mayah kepada pelancong yang mana setiap lukisan mempunyai kisah dan penceritaan yang melibatkan legenda, sejarah dan mitos yang terdapat di Langkawi.

Usahasama ini diharapkan dapat memberikan impak positif kepada industri pelancongan Langkawi seterusnya mengembalikan kemeriahan pulau ini sebagai destinasi pilihan pelancong.

PROGRAM LANGKAWI SELAMAT : PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU (SIRI 1)

17 Disember 2020, Langkawi – Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) melancarkan Program Langkawi Selamat:Pembudayaan Norma Baharu. Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi meningkatkan kesedaran dan memperkasa pengetahuan masyarakat dengan nilai dan norma baharu supaya dapat melindungi diri, keluarga dan komuniti seterusnya memerangi penularan wabak COVID-19 daripada terus merebak. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada pelan tindakan yang dinyatakan di dalam Hala Tuju Ekonomi Langkawi @ HELANG di bawah teras pelancongan yang selamat.

Pengurusan LADA yang diketuai oleh YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA, telah menghadiri program kesedaran pada hari ini bersama pasukan daripada Unit Khidmat Korporat.

Program ini dilaksanakan secara berperingkat yang mana bagi sesi pertama melibatkan kawasan Mukim Bohor dan Padang Matsirat, Langkawi. Sesi selanjutnya akan dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pelancongan Langkawi.

Program ini dikendalikan dengan kaedah turun padang, mendekati komuniti seterusnya mengedarkan pelitup muka dan hidung serta pembersih tangan secara bersasar di samping memberikan pencerahan berkaitan kepentingan menjaga kebersihan diri. Selain itu, banner kesedaran akan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) juga dibekalkan di premis-premis awam bagi menjemput semua pihak bersama-sama berusaha membantu petugas barisan hadapan memerangi jangkitan COVID-19. Semoga Pulau Langkawi terus mengekalkan status zon hijau dan bebas dari wabak COVID-19.

e-Buletin@LADA

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)

BU

BERITA UTAMA

PROJEK KECIL KOMUNITI, ERATKAN LADA & KOMUNITI

5 Oktober 2020, Kompleks LADA – Satu Sesi Penyerahan Surat Kelulusan Projek Kecil Komuniti Langkawi bagi Fasa 2 Tahun 2020 Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA. Pada sesi kali ini, sebanyak 8 projek kecil komuniti telah diluluskan kepada komuniti yang terlibat bagi pembaikan kemudahan asas antaranya seperti surau, jeti nelayan, pusat pendidikan dan pertanian berkelompok dengan kos keseluruhan bernilai RM220,000.00.

Pelaksanaan projek kecil komuniti ini diharapkan dapat membantu dan memberikan impak positif kepada komuniti Langkawi dalam aspek kesejahteraan, perpaduan, kerohanian, keselamatan dan seterusnya meningkatkan ekonomi komuniti setempat.

BU BERITA UTAMA

21 Disember, Kompleks LADA - Mengamalkan sifat berintegriti dalam setiap tugas yang diamanahkan seharusnya menjadi etika yang dipegang kuat oleh warga kerja LADA, begitulah harapan YBrs. Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Sektor Pengurusan), Lembaga Pembangunan Langkawi yang telah merasmikan Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Lembaga Pembangunan Langkawi atau PARLADA 2020-2024.

PARLADA 2020-2024 menggariskan tiga (3) bidang keutamaan daripada enam bidang yang telah digariskan dalam NACP iaitu Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam dan Tadbir Urus. Pelan ini memayungi lima (5) objektif strategik, 27 risiko dan 70 pelan tindakan/inisiatif bervisikan "Warga Kerja LADA adalah Bebas Rasuah dan Salah Laku Integriti".

Pihak Pengurusan Tertinggi LADA amat yakin dengan pelaksanaan inisiatif pemantapan integriti, pengukuhan governans serta pemerkasaan pencegahan rasuah yang digariskan dalam pelan ini, LADA dapat menjadi agensi peneraju utama di Langkawi yang *'zero tolerance against corruption and fraud'*.

Sesi simbolik kepada majlis ini adalah penyerahan PARLADA 2020-2024 oleh wakil pengurusan iaitu Encik Norshuhaidy Bin Shabudin, Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan kepada YBrs. Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LADA. Selanjutnya, PARLADA telah diserahkan kepada semua Pengurus Bahagian/Ketua Unit LADA.

Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah LADA telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks LADA.

LADA MENERIMA DIVIDEN DARIPADA LADA ECO-TOURISM SDN. BHD.

21 Oktober, Kompleks LADA – LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. (LETSB) telah menyerahkan cek berjumlah RM125,041.25 kepada LADA setelah mencatat keuntungan bersih sebanyak RM500,165.00 bagi akaun korporat berdasarkan Laporan Kewangan dan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Kewangan 2019.

Penyampaian cek tersebut telah disempurnakan oleh Encik Sharudin Bin Hassan, Ahli Lembaga Pengarah LETSB selaku wakil Pengerusi LETSB kepada YB Tuan Haji Juhari Bin Bulat, Pengerusi Bersama Jemaah Pengarah LADA. Penyerahan dividen ini juga turut disaksikan oleh Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA dan Puan Mahani Binti Muhammad, selaku Ahli Lembaga Pengarah LETSB.

LETSB merupakan anak syarikat penuh milik LADA yang menguruskan beberapa jenis perniagaan seperti pengurusan produk pelancongan, pengurusan hotel dan penginapan, pengurusan restoran serta pengurusan premis perniagaan. Disamping itu, LETSB juga merupakan pemegang lesen agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).

BANGSAL MUSNAH AKIBAT RIBUT

28 Oktober, Pasir Hitam – LADA telah melaksanakan tanggungjawab Sosial Korporat LADA dengan menyalurkan bantuan bagi membina semula Bangsal Nelayan Pasir Hitam yang telah rosak akibat pukulan ombak besar.

Serahan sumbangan telah disempurnakan oleh YB Juhari Bulat, ADUN Air Hangat Merangkap Pengerusi Bersama LADA.

Turut hadir pada majlis ini ialah YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Encik Mahadzir Bin Ibrahim, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Langkawi, Encik Zainol Abidin, Pengerusi Pengkalan Pasir Hitam serta beberapa orang pegawai kanan LADA dan ahli pengkalan di kawasan tersebut.

Dengan bantuan yang telah diberikan, diharapkan komuniti nelayan di kawasan ini dapat terus menjana pendapatan melalui aktiviti di lautan seterusnya mempelbagaikan dan memajukan sumber ekonomi setempat.

KOMUNITI DISANTUNI - PROJEK KECIL KOMUNITI LANGKAWI FASA KHAS

3 November, Kompleks LADA – Sesi Penyerahan Surat Kelulusan Projek Kecil Komuniti Langkawi Fasa Khas Tahun 2020 Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA. Kali ini sebanyak 4 projek kecil komuniti telah diluluskan kepada komuniti yang terlibat bagi kerja-kerja membaik pulih kemudahan asas dan antaranya adalah masjid, surau, maahad tahfiz dan sekolah. Sebanyak RM88,000.00 telah diperuntukan bagi pelaksanaan projek kecil komuniti fasa ini.

Pelaksanaan projek kecil komuniti ini diharapkan dapat membantu dan memberikan impak positif kepada komuniti Langkawi dalam aspek kesejahteraan, perpaduan, kerohanian, keselamatan dan seterusnya memperkayakan ilmu melalui pembangunan modal insan.

BUDIMU DISANJUNG, JASAMU DIKENANG

16 Disember, Kompleks LADA – Majlis Budimu Disanjung, Jasamu Dikenang telah diadakan bertempat di Dewan Besar Aras M2, Kompleks LADA. Majlis ini dilaksanakan sebagai tanda penghargaan kepada empat (4) orang kakitangan LADA yang telah bersara pada tahun 2020. Mereka yang terlibat adalah seperti berikut:

- Encik Ku Ishak Bin Ku Aziz, Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 - bersara pada 5 Januari 2020.
- Encik Mohd Zul Bin Ahmad, Pembantu Keselamatan Gred KP19 - bersara wajib pada 7 November 2020.
- Encik Saadin Bin Ayob, Pengawal Keselamatan Gred KP14 - bersara wajib pada 27 Februari 2020.
- Encik Tabri Bin Hamzah, Pengawal Keselamatan Gred KP11 - bersara wajib pada 23 April 2020.

Majlis diserikan dengan kehadiran YBhg. Dr Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA dan pegawai-pegawai kanan yang lain.

Majlis Budimu Disanjung, Jasamu Dikenang ini telah dikendalikan oleh Bahagian Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan Aset, Unit Khidmat Korporat dan seluruh warga LADA secara amnya.

LADA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan semua pesara yang terlibat dari mula hingga akhir perkhidmatan di atas segala jasa bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat bersama LADA. Sesungguhnya sumbangan dari segi tenaga, pengetahuan, nasihat dan tunjuk ajar kepada semua peringkat kakitangan telah banyak membantu kepada kecemerlangan LADA. Malah, menjadi contoh kepada warga LADA yang masih berkhidmat.

LADA mendoakan semoga hari-hari persaraan dapat dimanfaatkan dengan meluangkan masa bersama keluarga tercinta serta menabur jasa kepada agama, bangsa dan negara.

e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)

B/U

BAHAGIAN / UNIT

KURSUS KESELAMATAN FIZIKAL

5 Oktober, Kuah, Langkawi – Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menganjurkan Kursus Keselamatan Fizikal pada 5 hingga 6 Oktober 2020 bertempat di Hotel Seaview, Langkawi. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Nawawi Bin Deris.

Seramai 29 orang peserta telah terlibat di dalam kursus ini yang terdiri daripada anggota polis bantuan LADA. Objektif penganjuran kursus ini adalah untuk memantapkan pengetahuan dan kefahaman peserta mengenai dasar, prosedur dan arahan berkaitan keselamatan fizikal.

Selain daripada itu, ianya juga bertujuan untuk memastikan pegawai berperanan dan bertindak sebagai penghalang kepada penjenayah serta bertindak balas terhadap apa-apa aktiviti yang mencurigakan atau keabnormalan.

Diharapkan dengan kursus sebegini dapat meningkatkan kecekapan dan memperkasakan imej Pasukan Polis Bantuan LADA.

PROGRAM I-TALK SIRI 3 TAHUN 2020: PENGKISAHAN TUMBUK RUSUK TELUNJUK LURUS KELINGKING BERKAIT - PENGKISAHAN DARI TIRAI BESI

16 Disember, Kuah – Siri terakhir Program i-Talk Tahun 2020 berkaitan bahana rasuah telah diadakan dan disampaikan oleh Tuan Mohd Firdaus Bin Ramlan, Mantan Majistret Kelantan. Program ini merupakan perkongsian secara ***real life experience*** di mana pengkisahan dari tirai besi selama tiga (3) tahun yang dialami sendiri oleh penceramah pada tahun 2010.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan bahana rasuah di samping menyahut seruan kerajaan dalam memerangi jenayah rasuah di negara kita dan ianya selaras dengan amanat daripada YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) supaya setiap individu memiliki "DNA penjawat awam iaitu berintegriti, pantas dan profesional dalam menunaikan tanggungjawab".

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan telah dihadiri seramai 55 orang kakitangan Kumpulan Pelaksana LADA di Hotel Goldsands Langkawi.

LAMAN PADI DIBERI NAFAS BARU

7 Oktober, Laman Padi – Pernah menjadi antara produk yang mesti dikunjungi oleh pelancong, Laman Padi kian suram. Menyedari hakikat ini, pihak Pengurusan Tertinggi LADA telah mengatur strategi bagi menaikkan semula zaman kegemilangan Laman Padi.

Sebagai langkah awal, YBhg. Dr. Hezri telah meluangkan masa melawat ke Laman Padi bagi mendapatkan gambaran sebenar dan mengenal pasti isu-isu yang perlu ditangani segera berkaitan pengurusan dan juga fizikal kemudahan asas di Laman Padi.

Turut serta dalam lawatan ini ialah Encik Rizwa, Ahli Lembaga Pengarah Panorama Langkawi Sdn. Bhd. dan beberapa orang pegawai LADA.

LADA telah menempatkan Encik Mohamad Zuhri bin Abd Rashid, Penolong Pengurus Kanan Bahagian Pelancongan bagi menerajui pengurusan Laman Padi bermula 1 Oktober 2020.

AIR ASIA, BUKA LALUAN BAHARU - 96 PENUMPANG TERIMA KEJUTAN DI LANGKAWI INTERNATIONAL AIRPORT (LIA)

19 Disember, Padang Matsirat - Ketibaan pesawat airbus A320 milik syarikat penerbangan AirAsia telah diberi penghormatan dengan pancutan ***water cannon*** sebaik sahaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA).

Penerbangan sulung ini membawa 96 orang penumpang dari Kota Bharu ke Langkawi dan kemudiannya berpatah balik ke Kota Bharu dengan jumlah penumpang seramai 108 orang. Air Asia kini menawarkan penerbangan ke Kota Bharu dengan kekerapan 3 kali seminggu, iaitu pada setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu.

30 Oktober, Kampung Padang Putih - Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah meluangkan masa untuk melawat dan bermesra bersama Geng Bersih Kampung di Kampung Padang Putih, Langkawi.

Geng Bersih Kampung terdiri daripada kanak-kanak berusia dari 7 hingga 12 tahun.

Kumpulan ini dibantu oleh Mr. Andy & Mrs. Susan serta beberapa pasukan NGO di Langkawi bagi membersihkan kampung mereka setiap minggu.

Kini, mereka mula menanam pokok-pokok bunga bagi mencantikan kawasan sekitar.

Semoga Geng Bersih Kampung terus berkembang maju dan menjadi contoh kepada kampung-kampung yang lain.

23 Disember, Padang Masirat – Ketibaan pesawat A320 milik AirAsia pada jam 12.25 tengahari di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi ini telah diberikan penghormatan sebagai simbolik perarakan dengan pancutan air *water cannon*. Penerbangan sulung ini telah mendarat bersama 169 orang penumpang dari Ipoh ke Langkawi dan kemudiannya melakukan penerbangan balik dari Langkawi ke Ipoh bersama 96 penumpang.

Tawaran menggunakan penerbangan pesawat Air Asia melalui laluan ini adalah sebanyak 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Rabu, Jumaat dan Ahad.

23 Disember, Kuah - Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menganjurkan satu sesi ***engagement*** dengan mengunakan pendekatan *Townhall* sebagai kaedah baru untuk mendekati pemain industri pelancongan, NGO dan agensi kerajaan.

Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas, idea dan pandangan daripada semua pihak agar satu strategi yang komprehensif dapat dirangka bagi mendepani cabaran pasca COVID-19. Sesi ini telah dihadiri oleh seramai 120 peserta bertempat di Langkawi International Convension Center (LICC) di Kuah, Langkawi.

28 Disember, Kuah, Langkawi – Bahagian Pelancongan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menganjurkan satu seminar bertajuk Seminar ***Cosmic Convergance Art & Science*** sempena Program Penghayatan Khazanah Bumi Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGG) bertempat di Goldsands Hotel, Langkawi. Perkongsian ilmu di dalam seminar tersebut telah disampaikan oleh penceramah-penceramah yang berkaliber iaitu YBhg. Profesor Emerita Dato' Seri Dr. Mazlan Binti Osman yang merupakan seorang Ahli Astrofizik Negara, Encik Jailani Abu Hassan, seorang Pelukis Negara dan Mr. Sam Gibbs, Pengarah Aerospace Education Services Sdn. Bhd.

Seminar tersebut telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan telah mendapat penyertaan seramai 47 peserta daripada Pengurus Bahagian LADA, kakitangan Bahagian Pelancongan, Geopark Icon dan Friend of Langkawi Geopark (FLAG).

Objektif seminar tersebut adalah untuk memberi pendedahan dan nilai tambah kepada semua 'stakeholder' yang terlibat dalam bidang pelancongan di Langkawi terutama kakitangan Bahagian Pelancongan di samping memberi satu pengalaman baru dalam mendalami khazanah LUGGp khususnya dalam bidang Sains Astronomi dan seni kebudayaan yang diharap dapat dikongsi bersama pelancong kelak.

Antara pengisian seminar tersebut adalah Mahsuri Ring Tracking, Drop Stone Tanjung Mali dan lawatan ke Langkawi National Observatory.

11 Oktober, Langkawi – Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah LADA Bil. 3/2020 bertempat di Pelangi Beach Resort & Spa, Langkawi. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Haji Muhamad Bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif LADA serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA.

21 Disember, Langkawi - Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menganjurkan satu Majlis Apresiasi Media 2020 bertempat di The Beach Grill, The Ritz-Carlton Langkawi. Majlis ini diadakan untuk menghargai pengamal media yang telah banyak membantu dalam membuat publisiti, liputan dan hebahan ke atas program-program dan acara-acara LADA dan Langkawi.

Seramai 21 orang para pengamal media dari Zon Utara Semenanjung Malaysia termasuk Pulau Langkawi hadir ke majlis ini. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif LADA, YBhg. Dr. Hezri Adnan dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid serta Pegawai Daerah Langkawi, Tuan Haji Saiful Anwar Bin Azmi.

Majlis turut diserikan dengan sesi penyampaian momento sebagai tanda penghargaan kepada semua rakan media yang hadir. Selain itu, satu simbolik penyerahan sumbangan daripada LADA sebanyak RM20,000 kepada Tabung Bencana Pejabat Daerah Langkawi untuk membaik pulih struktur Masjid Kampung Yooi yang rosak akibat kejadian ribut baru-baru ini turut diadakan. Sumbangan ini disampaikan kepada Tuan Haji Saiful Anwar Bin Azmi, Pegawai Daerah Langkawi.

Pelaksanaan Majlis Apresiasi Media 2020 ini diharapkan dapat menjadi platform bagi mengeratkan lagi perhubungan antara LADA dan pihak media pada masa yang akan datang.

PROGRAM PELEPASAN ALAT PERANTI PENGUMPULAN IKAN/UNJAM

3 November, Kuala Muda – Program kerjasama antara Komuniti Pengkalan Kuala Muda bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Perikanan Langkawi serta beberapa agensi kerajaan lain merupakan inisiatif yang telah diusahakan oleh komuniti pengkalan dengan penglibatan sebahagian besar nelayan kawasan Kuala Muda, Langkawi.

Perasmian Program Pelepasan Alat Peranti Pengumpulan Ikan/Unjam telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA bertempat di Jeti Aquabeat, Kuala Muda Langkawi.

Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada lebih 130 orang nelayan di kawasan pantai tersebut seterusnya membantu penduduk Langkawi dalam menjana pendapatan melalui aktiviti perikanan marin.

PROGRAM JEJAK PRIHATIN LANGKAWI SIRI 4 TAHUN 2020

16 Disember, Pulau Tuba – Pulau Tuba, Langkawi telah dipilih sebagai lokasi penganjuran Program Jejak Perihatin pada penganjuran kali ini. Program ini merupakan anjuran Pejabat Daerah Langkawi (PDL) dengan penglibatan agensi / jabatan Kerajaan lain seperti Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP), Pejabat Zakat Daerah Langkawi dan Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi.

Pelbagai jenis bantuan yang terdiri daripada wang tunai, barangan keperluan harian serta alatan bantuan seperti kerusi roda telah disampaikan kepada 15 orang penerima. Misi ini diketuai oleh Tuan Haji Saiful Anwar Bin Azmi, Pegawai Daerah Langkawi. LADA diwakili oleh YBrs. Tuan Haji Rohaizad Bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) bersama pegawai dari Unit Khidmat Korporat LADA.

28 Disember 2020, Langkawi – Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dr. Hezri Adnan telah merasmikan 'Program Back to School: Isilah Hatimu Dengan Ilmu'. Program amal ini adalah salah satu cabang daripada komponen pembangunan komuniti untuk memperkasakan modal insan di Langkawi. Program kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi (PPDL) ini merupakan program tahunan LADA dalam membantu pelajar membuat persediaan untuk kembali ke sekolah.

Program 'Back to School' mensasarkan penyaluran bantuan kepada anak-anak yatim, kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan anak-anak yang memerlukan bantuan di Langkawi.

Seramai 200 penerima telah dikenalpasti bagi menerima bantuan tunai sebanyak RM150 seorang.

LADA bersama PPD Langkawi, rakan strategik dalam sektor pendidikan di Langkawi akan terus merealisasikan pelbagai program pembangunan modal insan bagi memastikan anak-anak Langkawi tidak tercicir dalam arus perdana pembangunan. Semoga generasi muda Langkawi terus berjaya dan cemerlang, seterusnya menempa nama di pelbagai arena pada masa akan datang.

22 Disember, Padang Matsirat Langkawi – Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), YBhg. Dr. Hezri Adnan telah merasmikan Program Libat Urus Usahasama Perniagaan bersama Tapawfood Services. Program ini merupakan salah satu inisiatif dan strategi pembukaan Peluang Ekonomi Baru (PEB) bagi Teras Kepelbagaian Ekonomi di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG).

Program ini melibatkan penyediaan perkhidmatan penghantaran makan dalam talian bersama perniagaan kecil/individu serta restoran makanan segera di Langkawi. Sehingga November 2020, aplikasi ini telah memanfaatkan sejumlah 255 vendor makanan termasuk 5 restoran makanan segera yang berdaftar, 678 orang penghantar makanan (rider) berdaftar dengan jumlah pengguna seramai 10,300 orang di Langkawi.

Usahasama LADA bersama anak muda Langkawi ini mempunyai matlamat seperti berikut:

(i) Membantu meningkatkan pendapatan dan mencipta peluang pendapatan kepada golongan suri rumah, pemilik restoran, peruncit dan lain-lain perniagaan berasaskan makanan selari dengan misi Syarikat Tapawfood iaitu "help the local restaurant and hawker in Langkawi to move forward in their F&B business".

(ii) Memberi kesedaran kepada penduduk sekitar Langkawi tentang kewujudan aplikasi ini di samping membuka peluang untuk meneroka perniagaan bersama Tapawfood; dan

(iii) Sebagai medium alternatif untuk pengusaha dan peniaga kecil bersedia menghadapi krisis ekonomi pasca COVID-19.

LADA mengharapkan lebih ramai anak Langkawi seperti Encik Zabel Iqbal Bin Zainon, Ketua Pegawai Eksekutif Tapawfood Services akan mengikuti jejak beliau. Semoga usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi pulau ini mampu meningkatkan aliran ekonomi seterusnya memulihkan pendapatan dan membantu komuniti Langkawi menyara kehidupan dengan lebih baik.

28 Oktober, Ayer Hangat Village - YBhg. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA telah mengetuai lawatan kerja di Ayer Hangat Village (AHV). Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat perkembangan pembangunan terkini yang diusahakan oleh Syarikat DXN Agrotech Sdn. Bhd.

Semasa lawatan tersebut, Datuk Dr. Lim Siow Jin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan DXN Holdings Berhad telah memberi penerangan berkaitan perkembangan terkini pembangunan AHV.

Selain menawarkan tarikan utamanya iaitu Air Panas Masin, produk pelancongan tersebut akan menawarkan tarikan pelancongan berasaskan kesihatan dan kesejahteraan.

Kerjasama pintar ini diharapkan dapat melonjakkan semula nama AHV sebagai produk pelancongan yang mesti dilawati oleh pelancong.

e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)
eBL E-BULETIN LADA

LR LAWATAN RASMI

LAWATAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

4 Oktober 2020, Kompleks LADA - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengadakan lawatan penanda aras Pengurusan Aset Kerajaan ke Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Lawatan yang diketuai oleh YBrs. Encik Jamsari Bin Khamin, Jurutera MBSA ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pandangan berkaitan pengurusan aset kerajaan.

Sesi taklimat berkaitan Pengurusan Aset LADA telah disampaikan oleh Encik Sharudin Hassan, Pengurus Bahagian Pengurusan Aset. Manakala taklimat pembangunan Langkawi telah dikongsikan oleh Encik Nor Azman Yusuf daripada Unit Khidmat Korporat.

KUNJUNGAN HORMAT TUAN PENGARAH SWCORP KE LADA

2 November, Kompleks LADA - Kunjungan hormat oleh Encik Nordin Amat, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta beberapa pegawai kanan SWCorp dan E-Idaman ke LADA bagi membincangkan beberapa inisiatif dalam pengurusan sisa pepejal di Langkawi.

Inisiatif ini penting bagi memastikan kebersihan seluruh Pulau Langkawi dan memberikan pengalaman yang lebih menarik kepada pelancong.

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PENYIARAN LANGKAWI FM KE LADA

4 November, Kompleks LADA – LADA telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Zulkefli Mohd, Pengarah Penyiaran Langkawi yang baru melaporkan diri pada 19 Oktober 2020.

Sesi ini telah membuka peluang kepada kedua-dua pihak untuk melontarkan pandangan terutamanya dalam memperkasakan kerjasama di antara LADA dan Langkawi FM.

Antara bentuk kerjasama yang dibincangkan adalah usaha mempromosikan Langkawi dengan menggunakan saluran radio dan televisyen sebagai media penyiaran serta menyalurkan maklumat dalam bentuk terkini kepada penduduk Langkawi.

e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 4/2020 (Oktober - Disember)
E-BULETIN LADA

LM
LENSA MEDIA

مولد الرسول صلى الله عليه وسلم
Warga LADA ingin mengucapkan
Salam
MAULIDUR RASUL
1442 HIJRAH
Dr. Hezri Adnan
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
"UMMAH RABBANI NEGARA HARMONI"
Ikhlas daripada:
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
LANGKAWI

LADA
PENGUMUMAN WAKTU OPERASI LADA
Pelanggan yang dihormati,
Selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Negeri Kedah yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia bermula 22 Januari hingga 18 Februari 2021, LADA menyarankan semua pelanggan untuk mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mencegah penularan wabak COVID-19. Susulan itu, waktu operasi LADA yang TERKINI adalah seperti berikut:
Ahad hingga Rabu : 8.00 pagi – 5.00 petang*
Khamis : 8.00 pagi – 3.30 petang*
Sepanjang tempoh PKP ini, semua pelanggan dialukan untuk menggunakan perkhidmatan secara atas talian atau menghubungi LADA melalui talian utama 04-9600 600 dan e-mel di pautan support@lada.gov.my.
*Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan semasa kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara sebagaimana tertera di www.mkn.gov.my .
Terima kasih.

Langkawi at a Glance
Six private villas sitting on a lush paddy field just at the edge of Pantai Cenang, The Gemalai Village offers guests a most idyllic and unique vacation experience in Langkawi.
Naturally LANGKAWI
UiTM
The Gemalai Village

31 OGOS 1957
SELAMAT MENYAMBUT HARI
KEMERDEKAAN
LANGKAWI
Dr. Hezri Adnan
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

LANGKAWI
Selamat Hari Natal
Dr. Hezri Adnan
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Langkawi at a Glance
Langkawi Sky Bridge is a 125-metre (410 ft) curved pedestrian cable-stayed bridge in Malaysia, completed in 2005. The bridge deck is located 660 metres (2,170 ft) above sea level at the peak of Gunung Mat Cincang on Pulau Langkawi, the main island of the Langkawi archipelago in Kedah.
Naturally LANGKAWI
UiTM
LANGKAWI SKY BRIDGE


LANGKAWI AT A GLANCE
STREET ART LANGKAWI
Naturally LANGKAWI
UXK
KUAH, LANGKAWI

Langkawi at a Glance
Joy is a decision, a really brave one, about how you are going to respond to life.
- Wess Stafford -
Naturally LANGKAWI
UXK
PANTAI CENANG

Langkawi at a Glance
Langkawi Beras Basah Island (Pulau Beras Basah) is an idyllic haven, with pristine beaches flanked by a verdant forested inland.
Naturally LANGKAWI
UXK
PULAU BERAS BASAH

LANGKAWI
Selamat Hari
DEEPAVALI
Warga LADA ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia
Dr. Hezri Bin Adnan
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Langkawi at a Glance
Taman ini bertemakan legenda dan mitos yang terdapat di Pulau Langkawi. Kawasan seluas 50 hektar ini mempamerkan beberapa ukiran batu, pameran kebudayaan, dan lain – lain lagi yang berkisar tentang sejarah serta mitos Langkawi.
Naturally LANGKAWI
UXK
TAMAN LEGENDA LANGKAWI

Langkawi at a Glance

The Ayer Hangat Saltwater Hot Springs has been well known since the late 18th century for its clean, transparent water and ideal temperature, which fluctuates between 38 and 40 degrees centigrade.

Naturally LANGKAWI

AYER HANGAT VILLAGE

Langkawi at a Glance

Gua Cerita atau " Cave with a Legend " adalah salah satu daripada banyak gua batu kapur yang menarik terletak di utara -timur Langkawi. Ia terdiri daripada dua gua batu kapur , satu di atas yang lain dan menghadap ke laut.

Naturally LANGKAWI

GUA CHERITA

Langkawi at a Glance
GUA LANGSIR

Naturally LANGKAWI

KILIM GEOFOREST PARK LANGKAWI

Langkawi at a Glance

It's a must visit place when you are in Langkawi as they have lots of things to see, educational and the best way to learn about this island.

Naturally LANGKAWI

Sungai Kubang Badak, Langkawi



Langkawi at a Glance

Located near a tributary in the heart of Kilim mangrove swamps within the Kisap Forest Reserve, the cave is named after the thousands of insect-eating bats clinging to the ceiling of its main chamber. The cave is 60m in length and has two separate caves to explore.

Naturally LANGKAWI

BAT CAVES, KILIM RIVER

Langkawi at a Glance

Nature is painting for us,
day after day,
pictures of infinite beauty.

- John Ruskin

Naturally LANGKAWI

Jeti Nelayan Kuala Chenang

Naturally LANGKAWI

KOMPLEKS KRAF LANGKAWI

Naturally LANGKAWI

Kunang Kunang Heritage Villas

Naturally LANGKAWI

LAMAN PADI, PANTAI CENANG

LADA

Pelanggan Yang Dihormati

Pejabat Lembaga Pembangunan Langkawi beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diumumkan iaitu mulai 9 November 2020 (ISNIN) hingga 6 Disember 2020 (AHAD). Semua pelanggan yang berurusan dengan pihak LADA adalah dikehendaki mematuhi operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan semasa berurusan dengan pihak LADA.

(Hari beroperasi pada hari AHAD hingga RABU)
8.00 pagi - 5.00 petang
(Hari beroperasi hari KHAMIS)
8.00 pagi - 3.30 petang

Terima kasih.

UKK
UNIT KHIDMAT KORPORAT

LM LENSA MEDIA

diterbitkan oleh :

UNIT KHIDMAT KORPORAT
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Kompleks LADA, Peti Surat 60,
Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi Kedah
Tel : 04-9600 600
Faks : 04-9600 509